

## Pakatan Harapan Dan Pengurusan Ekonomi Malaysia, 2018-2020: Satu Analisis

*Pakatan Harapan and Malaysian Economic Management, 2018-2020 : An Analysis*

Nur Alyssa Eirwan

<sup>1</sup>Muhamad Nadzri Mohamed Noor

Program Sains Politik

Pusat Kajian Sejarah, Politik dan Hal Ehwal Antarabangsa

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan

Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence e-mel : <sup>1</sup>nadzri@ukm.edu.my

### ABSTRAK

*Pilihan Raya Umum ke-14 telah mengubah budaya politik dan partisipasi politik serta menunjukkan peralihan kuasa yang adil berdasarkan konsep demokrasi gaya Westminster. Pada 9 Mei 2018, kerajaan Barisan Nasional (BN) yang dahulunya mendominasi lanskap politik dalam jangka masa yang panjang telah tumbang buat kali pertama dalam sejarah dan kuasa negara diambil alih oleh pakatan pembangkang iaitu Pakatan Harapan (PH). Kuasa politik dan kestabilan ekonomi diperlihatkan saling berhubung antara satu sama lain. Pengurusan ekonomi yang cekap dapat membantu menjadikan ekonomi negara terus berkembang sekaligus dapat meyakinkan para pelabur. Oleh itu, adalah menjadi tujuan kajian ini untuk menganalisis sejauhmana dasar yang komprehensif untuk polisi ekonomi yang kompetitif untuk kesejahteraan negara dan rakyat dilaksanakan oleh Pakatan Harapan sepanjang tempoh pentadbiran kerajaannya. Kaedah kualitatif yang digunakan meliputi kajian rujukan sumber internet dan buku dalam membantu memperolehi bahan yang lebih luas dan terkini. Hasil kajian menemukan teori reformasi ekonomi yang mempengaruhi cara pembaharuan direka bentuk untuk menjadikan ekonomi lebih berdaya saing dan meningkatkan kadar pertumbuhan ekonomi. Wacana ini menambahkan lagi kajian terhadap pemerintahan era Pakatan Harapan dan cara pengurusan ekonomi yang efisien dengan berdasarkan kepada teori reformasi ekonomi. Malah, memberikan pendedahan kepada struktur dasar yang komprehensif yang dilakukan oleh kerajaan Pakatan Harapan bagi meningkatkan dan membangunkan ekonomi negara.*

**Kata kunci :** Pilihan Raya Umum ke-14, Pakatan Harapan, Barisan Nasional, politik, pengurusan ekonomi

### ABSTRACT

*The 14th General Election has changed the culture of politics and political participation as well as marked a fair transition of power based on the concept of Westminster-style democracy. On May 9, 2018, the Barisan Nasional (BN) government, which had dominated the political landscape for a long time, collapsed for the first time in history and the country's power was taken over by the opposition pact, Pakatan Harapan (PH). Political power and economic stability are shown to be interconnected with each other. Efficient economic management can*

*help make the country's economy continue to grow and at the same time can convince investors. Therefore, it is the purpose of this study to analyze the extent to which a comprehensive policy for a competitive economic policy for the well-being of the country and the people is implemented by Pakatan Harapan throughout the tenure of its government. Qualitative methods used include reference studies of internet sources and books in helping to obtain more extensive and up-to-date material. The results of the study found theories of economic reform that influence the way reforms are designed to make the economy more competitive and increase the rate of economic growth. This discourse adds to the study of the Pakatan Harapan era government and efficient economic management based on the theory of economic reform. In fact, it provides exposure to the comprehensive policy structure undertaken by the Pakatan Harapan government to improve and develop the country's economy.*

**Keywords:** 14th General Election, Pakatan Harapan, Barisan Nasional, politics, economic management

## 1. Pengenalan

9 Mei 2018 merupakan suatu tarikh transformasi dalam retetan sejarah politik negara Malaysia. Pilihan Raya Umum yang dimulakan pada 10 Mei 1969 dikaitkan dengan kerusuhan perkauman pada 13 Mei. Perkara ini jelas diperlihatkan jauh daripada konsep demokrasi gaya *Westminster* yang diwarisi dengan persamaan kaum yang luas di negara sekular, kepada semi-demokrasi yang dikuasai oleh Melayu yang semakin cenderung ke sebuah negara Islam. Penubuhan parti politik didasarkan kepada kekhususan etnik, isu sensitif, dan peliharaan hak-hak keistimewaan yang berkaitan. Negara Malaysia dimajoritikan dengan bangsa Malaysia dan rata-rata parti politik lebih mendepani tradisi politik mereka menjadi sebagai sebuah arus perdana dengan penekanan hubungan-hubungan tertentu. Misalnya, pengukuhan tradisi konsosiasionalisme iaitu menerima ketuanan orang Melayu dan agama mereka, telah mengembangkan lagi budaya politik bagi menstabilkan sistem parti dan pemerintahannya.

Pilihan Raya Umum ke-14 juga diperlihatkan sebagai sebuah medan pertempuran di mana ia telah mengubah keseluruhan lanskap politik Malaysia, yang dahulunya didominasi oleh Barisan Nasional dalam jangka masa yang panjang. Perubahan seismik ini telah menghasilkan persoalan mengenai berkemungkinan sebab dan faktor, dan memerlukan analisis yang begitu mendalam. Malah, Pilihan Raya Umum ke-14 ini mendinamikakan budaya politik dan partisipasi politik serta mengubah pembuatan pilihan raya. Tumbangnya kerajaan Barisan Nasional dan tahapan gabungan-gabungan parti-parti pembangkang, telah membuatkan Pakatan Harapan mengambil alih tumpuk kuasa pentadbiran negara. Perubahan pucuk pemerintahan kerajaan ini dianggap sebagai suatu kejutan yang tanpa disangka oleh rakyat Malaysia, termasuklah para penganalisis politik tempatan dan luar negara (Muhamad Nadzri Mohamed Noor & Nidzam Sulaiman 2018; Chan 2018; Welsh 2018). Para penganalisis politik secara amnya menganggap perubahan kuasa ini diperlihatkan kematanan rakyat dalam berpolitik dan amalan sistem demokrasi di Malaysia (Moniruzzaman & Farzana 2018; Muhammad Nadzri Mohamed Noor 2018).

Berdasarkan Pilihan Raya Umum ke-14, dapatlah dibuktikan bahawa peralihan kuasa bagi tumpuk pemerintahan berlaku dalam keadaan aman dan harmoni. Hal ini juga bermungkinan ekoran pengundian daripada rakyat yang kian terancam dengan penguasaan politik dan pentadbiran kerajaan era pimpinan Barisan Nasional dan Najib Razak. Perkembangan peralihan kuasa ini memberikan implikasi besar apabila lanskap politik Malaysia lantas menuju ke arah sistem dua parti yang didapati semakin subur. Bahkan, gabungan parti-parti politik masih kekal dengan identiti sistem kepartian mereka tersendiri

(Mohd Sohaimi Esa , Mohd Azri Ibrahim, Abang Mohd. Razif Abang Muis & Romzi Ationg 2020).

Resolusi kemenangan Pakatan Harapan didasari dengan manifesto-masnifesto yang agak populis ditawarkan oleh Pakatan Harapan dan ini jelas berjaya meraih undian majoriti rakyat dan usaha-usaha ini kelihatan mematahkan pengaruh ‘ibu pilihan raya’ iaitu Barisan Nasional yang telah bergiat lama mendominasi pentadbiran negara Malaysia (Muhammad Ariff & Sity Daud 2018). Ketika era pemerintahan Barisan Nasional, terdapat pelbagai dasar pembangunan yang telah dilaksanakan dan diterajui bagi memastikan kelangsungan ekonomi negara Malaysia dan menjurus bermatlamatkan soal pembangunan dan kesejahteraan rakyat dan negara khususnya dalam mencapai aspek keadilan (*justice*) dan kesaksamaan (*equality*) ekonomi (Ishak Shari 1999; Abdul Rahman Embong 2005). Dasar-dasar pembangunan yang diperlihatkan kekal relevan terus dan dibahaskan sehingga ke hari ini adalah seperti Dasar Ekonomi Baru (DEB) (1971-1990).

Dasar Ekonomi Baru dilancarkan di bawah Rancangan Kedua (RMII). RMII dan DEB digabungkan menjadi sebagai serampang dua mata (Milne & Mauzy 1992: 375). DEB ini bukan sahaja dilihat sebagai sebuah dasar, tetapi ia merupakan alat indikator bagi pertumbuhan ekonomi yang matlamat akhir dan ia diperlukan bagi memperbaik agihan negara (Jaafar & Abdul Shukur 1983: 161). DEB berfokuskan kepada dua objektif iaitu; (i) menghapuskan kemiskinan kalangan rakyat Malaysia tanpa mengira kaum, dan (ii) menyusun semula Malaysia bagi membaiki keadaan ekonomi yang tidak supaya dapat mengurangkan dan seterusnya menghapuskan kaum menurut fungsi ekonomi (Haflah 1989:15 ; Fong 1991:11 ; Ahmad Idris 1988:47 ; Shamsul 1976:47 ; Milne & Mauzy 1992: 375). DEB merupakan program Rangka Rancangan Jangka Panjang Pertama (RRJPI) bagi pembangunan sosioekonomi Malaysia. Dasar ini lantas dirancang dengan strategi yang sangat jelas ekoran terdapat keselarasan di antara strategi peringkat ekonomi secara keseluruhannya dengan strategi pada peringkat berbagai-bagai sektor dalam ekonomi (Haflah 1989:15).

Dasar Ekonomi Baru ini pada awalnya dilaksanakan ketika era pemerintahan Tun Abdul Razak, di mana memanfaatkan medium ekonomi sebagai sebuah instrumen untuk mencapai kejuruteraan sosial serta menyeimbangkan hak kaum-kaum di Malaysia ketika itu sebagai tindak balas atau respon terhadap peristiwa rusuhan kaum pada 13 Mei 1969 (Jomo, K.S 1989). Rentetan itu, pelaksanaan DEB yang bermula pada tahun 1971 hingga 1990 telah dimansuhkan di bawah pemerintahan Mahathir Mohamad yang merupakan Perdana Menteri ke-4 Malaysia dan mengantikannya dengan Dasar Pembangunan Nasional (1990). DEB juga bukan dianggap lagi sebagai sebuah dasar pembangunan utama memandangkan pemerintahan Mahathir Mohamad telah mengutamakan dasar industrialisasi dan pengukuhan pasaran (Jomo K.S 1990). Jelaslah bahawa, setiap evolusi dasar-dasar pembangunan akan berlaku apabila pertukaran pucuk pimpinan negara berubah (Muhammad Ariff & Sity Daud 2018).

## 2. Sorotan Kesusteraan

Sorotan kesusteraan dilaksanakan dengan beberapa penemuan yang telah diperolehi melalui beberapa kajian dalam konteks Pakatan Harapan dan pengurusan ekonomi. Antaranya adalah Mohd Sohaimi Esa, Mohd Azri Ibrahim, Abang Mohd. Razif Abang Muis & Romzi Ationg (2020), melalui penulisan yang bertajuk *Menyingkap Polemik Peralihan Kuasa Secara Luar Biasa Mengikut Perspektif Demokrasi Berparlimen*, mendalamai isu polemik peralihan kuasa yang telah berlaku di negara Malaysia sejurusnya Pilihan Raya Umum ke-14 serta diperlihatkan dalam konteks amalan sistem demokrasi berperlembagaan. Menerusi perbahasan jurnal ini, peralihan kuasa berlaku akan membentuk satu paradigma dan sebenarnya tiada banyak perbezaan antara politik domestik dan politik antarabangsa kecuali perbezaan yang berlaku adalah bergantung kepada tahap komitmen terhadap status quo di bawah perubahan

struktur kuasa. Walaupun negara Malaysia telah mencapai peralihan kuasa, misalnya daripada Barisan Nasional kepada Pakatan Harapan, tetapi masih berlaku lagi isu mengisi ‘kerusi kosong Perdana Menteri’. Dinyatakan lagi bahawa jelas kerajaan Pakatan Harapan (PH) dan sekutunya dianggap sebagai terumbang-ambing dan lemah, bahkan pelbagai pihak cuba memecahkan kebuntuan terhadap isu peralihan kuasa di antara Mahathir Mohamad dan Anwar Ibrahim. Ketidakyakinan terhadap Mahathir Mohamad telah membuatkan para pemimpin PKR hanya bersedia memberikan sokongan penuh kepada Anwar Ibrahim menjadi Perdana Menteri. Selepas itu, Mahathir Mohamad lantas mengundurkan diri dan meletakkan jawatannya. Sokongan Anwar Ibrahim untuk diangkat sebagai Perdana Menteri masih dipenjuru sepi. Peralihan kuasa menjadi semakin lebih agresif dengan tertubuhnya rencana ‘Langkah Sheraton’ dan wujudnya kerajaan Perikatan Nasional (PN).

Elaveenthan A/L Kumaran, Agnes Anak Peri, Sareena Cynthia Gerawat, dan Winnie Anak Francis (2021), melalui penulisan yang bertajuk *Satu Analisis Mengenai Kemunculan Kerajaan Perikatan Nasional Dan Pemerintahan Terhadap Masyarakat Malaysia*, mendalamis isu-isu yang menyebabkan munculnya pucuk pimpinan kerajaan baharu selepas pemerintahan Pakatan Harapan. Keberkesanan sebuah pemerintahan tidak akan jelas sekiranya masih dibelenggu dengan konflik kuasa. Sebagai contoh, selepas menang dalam Pilihan Raya Umum ke-14, Mahathir Mohamad diperlihatkan tidak bersemangat untuk mengangkat Anwar Ibrahim sebagai Perdana Menteri. Hal ini kerana, Mahathir Mohamad berpendapat bahawa Anwar Ibrahim adalah seseorang pemimpin yang tidak akan memperjuangkan orang Melayu atau mempertahankan hak-hak keistimewaan yang diberikan kepada etnik Melayu seperti yang dikandung dalam Perlembagaan Persekutuan. Penulisan ini memperjelaskan bahawa Mahathir Mohamad mempercayai bahawa seluruh rancangan Anwar Ibrahim dapat digagalkan sekiranya parti-parti besar Melayu seperti BERSATU, UMNO, dan PAS, disatukan sehingga munculnya kerajaan baru yang dipimpin oleh Melayu dapat dibentuk dan akan menyingkirkan DAP yang dikuasai Cina dan KEADILAN berbilang kaum di Pakatan Harapan. Usaha mengangkat Anwar Ibrahim sebagai Perdana Menteri makin diam membisu dan telah menyebabkan penyokong setia Anwar Ibrahim mengancam mengadakan demonstrasi jalanan untuk menunjukkan tuntutan mereka. Pada masa yang sama, kejadian yang menimpa Anwar Ibrahim, membuatkan beliau tidak menuntut peralihan kuasa.

Muhd Afiq Syazwan Ahmdon, Haslina Muhamad, Noor Sulastri Yurni Ahmad & Filzah Md Isa (2018), melalui penulisan yang bertajuk *Teori Permainan Dan Aplikasi Strategi Kuasa Untuk Memikat Pengundi Dalam PRU 14* dapatlah diperjelaskan bahawa kuasa politik dan ekonomi merangkumi konteks tadbir urus sesebuah kerajaan. Kuasa politik yang stabil diyakini dapat membantu sebuah kerajaan yang sah bagi mengekalkan kestabilan ekonomi dan kesejahteraan sesebuah negara. Sekiranya kuasa politik terdapat konteks terumbang ambing, ia akan membawa kepada ketidakstabilan ekonomi sehingga berlakunya peralihan kuasa secara tidak demokrasi. Penulisan ini merumuskan teori permainan yang digunakan oleh setiap parti politik dalam mencapai undian majoriti. Berdasarkan kepada kuasa politik dan strategi ekonomi yang dimainkan oleh Pakatan Harapan adalah berpaksikan kepada *MalaysiaKini*, *Malaysia Insider*, *Malaysia Today*, dan *The Edge* yang merupakan strategi ekonomi ulang tayang dalam media. Dengan itu, rakyat Malaysia akan sentiasa cakna dengan strategi yang diperkenalkan. Pakatan Harapan juga menggunakan strategi kuasa lembut iaitu saluran bebas yang hanya dapat diakses oleh golongan bandar berbanding luar bandar. Walaubagaimanapun, rata-rata penduduk luar bandar atau desa akan lebih berpihak kepada Barisan Nasional ekoran tidak mendapat maklumat menerusi media sosial. Akses media sosial yang didominasi oleh warga muda telah membuatkan rakyat membuka mata untuk menurunkan penguasaan Barisan Nasional. Kestabilan ekonomi pada era Barisan Nasional dilihat terumbang-ambing, rakyat lantas mendokong kerajaan Pakatan Harapan agar dapat mengembalikan kestabilan ekonomi negara. Jelaslah bahawa, permainan politik Pakatan Harapan dengan menggunakan strategi

ekonomi akan memperolehi banyak kuasa tanpa mengira kesan dan impak hasil daripada perebutan kuasa.

Madhi Hasan & Hamdan Mohd Salleh (2021), melalui penulisan yang bertajuk *PRU-14: Berakhirnya Era Kegemilangan Konsosiasionalisme*, mendalamai adakah corak kepimpinan kerajaan Pakatan Harapan akan menjadi seperti Barisan Nasional ataupun sebaliknya. Pertukaran atau peralihan kerajaan yang berlaku di Malaysia lebih didasari dengan kerangka konseptual iaitu ‘teori konsosiasionalisme’ dan ‘centripetalisme’, ia merupakan strategi makro-politik dalam perkongsian kuasa di dalam masyarakat multi-etnik yang terpecah. Rentetan penulisan ini meresolusikan kerajaan Pakatan Harapan dan cabaran-cabaran baharu yang akan disandang oleh pimpinan ini. Pakatan Harapan diwacanakan akan lantas berhadapan dengan pelbagai cabaran untuk membina kepercayaan rakyat khususnya setelah Barisan Nasional menjatuhkan kepercayaan mereka. Selain itu, formula yang dipakai dalam koalisi Pakatan Harapan amat berbeza berbanding Barisan Nasional di mana terdapat kesamarataan seperti parti-parti lain dan bukannya seperti dominasi Barisan Nasional yang dinikmati oleh UMNO. Jatuhnya Barisan Nasional yang merupakan sebuah parti keramat tidak membawa yang konsosiasionalisme tidak mungkin bangkit kembali dalam bentuk baharu. Malah, pendekatan kaum masih menjadi sebuah pendekatan yang popular dalam politik Malaysia dan trend peningkatan politik etno-agama berlaku dengan hebat ketika pasca PRU-14. Pakatan Harapan terlalu awal dalam pemerintahan dan dapat diyakini bahawa ia akan berpotensi untuk menerapkan konteks ‘centripetalisme’ ketika pengamalan politik dan pembentukkan dasarnya. Kerajaan ini berdepan dengan jangkaan yang tinggi daripada rakyat Malaysia seperti mengekalkan kestabilan politik, membaik pulih dan membangunkan semula ekonomi negara, dan melaksanakan reformasi untuk tadbir urus pentadbiran. Jelaslah bahawa, keberkesanan Pakatan Harapan akan dinilai melalui pelaksanaan tindakkan mereka untuk membangunkan negara dari aspek ekonomi, politik, dan sosial.

Mahadirin Ahmad, Kee.Y.Sabariah Kee Mohd Yussof, dan Noor Syakirah Zakaria (2019), melalui penulisan yang bertajuk *Dasar Perburuhan Dan Impaknya Terhadap Pergerakan Kesatuan Sekerja Di Malaysia: Satu Kajian Awal*, mendalamai dasar perburuhan akibat kemenangan Pakatan Harapan pada Pilihan Raya Umum ke-14. Berdasarkan fahaman, pergerakan buruh dan hubungan industri telah berkembang di Malaysia sejak tahun 1920-an apabila didasari dan dipengaruhi oleh dasar-dasar pentadbiran British di Tanah Melayu. Bahkan, terdapat perubahan-perubahan tertentu berkenaan dasar perburuhan atau pergerakan kesatuan sekerja mengikut kepada kepimpinan negara iaitu Perdana Menteri. Analisis terhadap Pakatan Harapan dijalankan untuk meneliti lebih lanjut kaitan implikasi kepada kelangsungan kesatuan sekerja yang mempengaruhi corak hubungan industri di Malaysia khususnya. *Book of Hope* atau Buku Harapan yang dipenuhi dengan janji-janji manifesto kerajaan tersebut yang turut mendukung dasar dan tindakan untuk memulih semula dan membina negara serta memenuhi harapan rakyat telah didepani dengan terdapat beberapa perubahan telah dilakukan terutamanya melibatkan pindaan terhadap perundangan berkaitan pekerjaan dan perburuhan. Penulisan ini dimurnikan lagi dengan perubahan yang dipertengahkan dalam Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan dan bersetuju untuk meminda beberapa perkara dalam Akta 177. Difahamkan lagi, setiap pindaan akan mengurangkan karenah birokrasi khususnya menghapuskan kuasa Menteri Sumber Manusia secara terus daripada terlibat dengan proses penyelesaian atau pertikaian perusahaan. Kewujudan *Malaysian Trades Union Congress* (MTUC) dan *Congress of Union of Employees in the Public and Civil Services Malaysia* (CUEPACS) yang merupakan gabungan di peringkat kebangsaan dan pelbagai usaha dilakukan bagi membela hak kepentingan pekerja tetapi tindakan institusi tersebut turut terbatas kerana sifatnya berbeza dengan kesatuan sebenar dalam perhubungan pekerjaan. Jelaslah bahawa, pentingnya perubahan pindaan agar dapat menyelaraskan kerumitan dalam birokrasi.

Nor Azaruddin Husni bin Nuruddin (2020), melalui penulisan yang bertajuk *Analisis*

*Falsafah Pemikiran Politik Tun Mahathir (TDM): Skop Kajian Dari 10 Mei 2018 Sehingga 24 Feb 2020*, mendalamai gagasan pemikiran politik Mahathir Mohamad sepanjang beliau menjadi Perdana Menteri. Komponen-komponen yang terdapat dalam diri beliau adalah nasionalisme, Islam, strategik, integriti, dan ekonomi. Kajian lepas ini dapat diselitkan dalam kajian pengkaji ekoran untuk melihat keberkesanan pemimpin dalam menguruskan pentadbiran kerajaan dan pemerintahan. Mahathir Mohamad diangkat dengan pendekatan ‘Mahathirisme’ yang meliputi (i) siapa yang paling kuat adalah yang paling berkuasa, (ii) memperkenalkan nilai-nilai Asia, (iii) mementingkan nilai-nilai Islam, (iv) undang-undang dipengaruhi oleh budaya dan masyarakat masing-masing, dan (v) keadilan sosial dari segi ekonomi. Hal ini berikutnya, tindakan dan pencapaian yang dilaksanakan beliau sebagai Perdana Menteri telah merangsang pembangunan negara Malaysia. Beliau mendepani pelbagai isu berkaitan ekonomi, percukaian, penyelewengan atau rasuah, mengembalikan subsidi harga minyak, memperkenalkan Bantuan Sara Hidup (BSH), membaik pulih urus tadbir kerajaan, membangunkan sistem pendidikan yang lebih efisien, dan sebagainya. Konteks ‘Mahathirisme’ ini dibentuk tidak sekadar daripada penguatkuasaan dasar pembagunan dan kestabilan masyarakat tetapi ia merupakan gaya kepimpinan yang menjadi amalan mentadbir sesebuah negara. Jelaslah bahawa, sebagai pemimpin negara perlu ada semangat kepimpinan yang tinggi supaya dapat membangunkan negara dan menjaga kesejahteraan rakyat.

Shamsinar Rahman, Nurul Aina Johari, Muhammad Izhuan Abdul Manaff, Wan Sumayyah Syahidah Wan Mohamad, Ramha Rozaili Ramli (2018), melalui penulisan yang bertajuk *From Good and Service Tax (GST) to Sales and Service Tax (SST)*, mendalamai perincian dan keberkesanan *Good and Service Tax (GST)* kepada *Sales and Service Tax (SST)* ini. Seperti yang diketahui, cukai merupakan levi wajib yang dibuat oleh badan kerajaan untuk meningkatkan hasil dan membiayai segala oprasi kerajaan. Secara amnya, cukai adalah membentuk kira-kira 80 peratus daripada hasil kerajaan. Malaysia telah meresolusikan sistem cukai *Good and Service Tax (GST)* kepada *Sales and Service Tax (SST)*. Dapatlah diperlihatkan bahawa GST dan SST yang merupakan cukai terpenting di negara Malaysia yang didasari mempunyai manfaat yang tersendiri dan juga dianggap sebagai faedah ekonomi sama rata. SST yang dikemukakan oleh Pakatan Harapan adalah cukai satu tahap, di mana cukai penjualan secara automatik dikenakan ke atas barang kena cukai yang dikeluarkan dan barang bercukai yang diimport ke Malaysia. Terdapat individu yang beranggapan bahawa SST berkemungkinan memberikan keuntungan khususnya kepada pelaku industri berbanding GST. Bagi golongan yang berpendapatan rendah, mereka menjangkakan barang akan lebih murah dan dapat mengurangkan kos sara hidup terutama di bandar-bandar besar. Rakyat terus merasa terbeban dengan pelaksanaan GST, kerajaan Pakatan Harapan meneliti isu ini dan memberikan gambaran dan memberikan utusan kepada rakyat untuk memansuhkan GST dengan mengemukakan idea baharu iaitu mengembalikan SST. Lampiran Bank Negara Malaysia meramalkan peningkatan yang kuat dalam kegiatan sektor swasta serta SST ini diperlihatkan sebagai sistem percukaian yang sempurna selepas GST. Jelaslah bahawa, SST berperanan dalam meningkatkan mutu ekonomi negara dan menjaga kesejahteraan rakyat Malaysia.

Darshan Joshi (2018), melalui penulisan yang bertajuk *Key Changes to Development Expenditure in Malaysia’s Budget 2019* mendalamai penawaran gambaran pertama yang ketara berkenaan rancangan dasar konkret kerajaan Pakatan Harapan. Berdasarkan gambaran ini, penggabungan kuasa dan wang dalam cabang eksekutif kerajaan agak berbahaya kerana ia menutupi segala konteks ketelusan dan tadbir urus yang kukuh, dan lebih terbuka kepada rasuah, kronisme, dan salah menguruskan dana. Penjelasan berkenaan pemerintah Pakatan Harapan telah melaksanakan penghapusan rasuah dan pemulihan keutamaan nilai demokratik yang diancam sebelumnya. Belanjawan tahunan merupakan salah satu dokumen dasar yang bermaklumat penting. Hasil dapatan kajian membuktikan penghentian yang meyakinkan terhadap pemusatan kuasa dan wang di bawah Najib Razak. Dalam penulisan ini, terdapat

wujudnya projek “*slush fund*” ketika Najib Razak menyandang jawatan Perdana Menteri. Ciri umum yang menentukan bagi projek ini adalah kekurangan ketelusan yang teruk dengan butiran projek yang tidak disediakan secara terbuka. Penulisan ini juga mendepani pengambilan contoh data daripada hasil Tinjau Belanjawan Terbuka 2017 yang dilakukan oleh Perkongsian Bajet Antarabangsa. Metrik diperlihatkan belanjawan dianalisis terdiri daripada ketelusan belanjawan, penyertaan awam, dan pengawasan belanjawan. Ia turut berkait dengan prinsip ketelusan, demokrasi, dan akauntabiliti. Perlunya juga perincian terhadap item belanjawan individu, penerbitan tetap akaun perbelanjaan sebenar, dan pengendalian semakan hasil serta perbelanjaan berkala (semakan pertengahan dan akhir tahun). Di samping itu, penulis mengemukakan terdapat penggabungan fiskal dan pengurangan perbelanjaan sia-sia diperlukan bagi tahun mendatang dan Pakatan Harapan berusaha untuk meningkatkan kedudukan kewangan negara Malaysia. Bahkan, masih menangani liabiliti luar jangka serta item luar kunci kira-kira daripada pentadbiran dahulu. Oleh itu, kerajaan Pakatan Harapan akan memberikan sepenuh tanggungjawab dalam memastikan proses belanjawan Malaysia diperlukan langkah ke arah ketelusan.

Abdul Rauf Ridzuan, Faezah Shuhada Mohd Fadzil, Mohd Hilmi Bakar Norazlinda Hj Mohammad (2020), melalui penulisan yang bertajuk *Malaysians’ Perception Towards 10 Promises In 100 Days And Public Acceptance Towards The New Government (Pakatan Harapan)* dapatlah difahami bahawa rakyat Malaysia menyokong dan mengundi kerajaan Pakatan Harapan adalah disebabkan oleh hubungan yang signifikan antara isu 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dan *Goods and Services Tax (GST)*. Selepas terbentuknya kerajaan Pakatan Harapan, mereka telah mencapai beberapa perkara seperti pemasuhan *Goods and Services Tax (GST)* ke *Sales and Service tax (SST)* dan siasatan secara terus 1MDB dan Majlis Amanah Rakyat dan Persekutuan. Dapatkan kajian yang dilakukan merumuskan bahawa rakyat merasa terancam ekoran isu penyelewengan dan cukai yang begitu tinggi sehingga kos sara hidup kian meningkat ketika era pimpinan Barisan Nasional. Seterusnya, rakyat juga meletakkan jangkaan yang tinggi atas manisfeto Pakatan Harapan iaitu ‘10 janji dalam 100 hari’ seperti memperkenalkan skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) bagi suri rumah, perkenalkan semula subsidi bahan api kepada sasaran kumpulan, pembayaran balik Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), pengkajian semula pemberian projek mega kepada negara asing, penghapusan hutang peneroka FELDA, dan inisiatif bantuan jagaan kesihatan kebangsaan. Namun begitu, apa yang diterima oleh rakyat adalah janji yang tidak pasti oleh kerajaan tersebut. Misalnya, berkenaan dengan pembayaran balik (PTPTN) dan gaji minimum yang diperlihatkan tiada sebarang tindakkan oleh kerajaan tersebut. Jelaslah bahawa, manifesto yang berkaitan dengan pengurusan ekonomi untuk rakyat dan negara dianggap tidak komprehensif dan tiada pelaksanaan.

Mohd Zuwairi Mat Saad (2020), melalui penulisan yang bertajuk *Pengurusan Reputasi Semasa Krisis: Kajian Kes Ke Atas Felda Golden Ventures (FGV)* mendalamai skandal Felda Global Ventures Holdings Bhd (FGV) di mana berdasarkan laporan ahli ekonomi termuka iaitu Prof. Dr. Jomo Kwame Sundaram, beliau menganggap skandal ini lebih besar daripada skandal 1MDB ia memberikan implikasi kepada lebih ramai orang. Menerusi kronologi, lanjutan skandal adalah disebabkan oleh tiada keberkesanan inkuiri yang segera, kemelut yang kian melibatkan pengurusan, kakitangan, dan pekerja-pekerjanya, perletakkan jawatan oleh CEO FGV, dan cara pengurusan permasalahan oleh kerajaan Pakatan Harapan yang diperlihatkan masih belum membantu menyelesaikan CEO baharu bagi FGV. Persoalan ini dikemukakan kepada Menteri Hal Ehwal Ekonomi iaitu Datuk Seri Mohamed Azmin Ali yang masih belum menerima cadangan nama CEO baharu bagi FGV. Penetapan nama ini perlu dilihatkan secara keseluruhannya dengan memerlukan satu pelan pemulihan yang komprehensif. Jelaslah bahawa, permasalahan skandal FGV ini masih tidak dapat ditandingi.

Oleh itu, sukar untuk menilai kecekapan dan keberkesanannya yang komprehensif terhadap pemerintahan pucuk pimpinan.

### **3. Metodologi**

Kajian ini menggunakan pendekatan kaedah kualitatif sepenuhnya dengan rujukan sumber internet dan buku. Rujukan daripada sumber internet ini membantu pengkaji memperolehi bahan yang lebih luas dan terkini mengenai skop kajian. Hal ini kerana maklumat melalui internet dapat diperolehi tanpa had dan merentasi masa. Pengkaji juga dapat membandingkan maklumat dan menambah kekurangan bahan yang diperolehi daripada buku, jurnal, artikel menerusi kajian daripada internet. Malah, bahan bacaan ataupun buku-buku secara atas talian juga dapat diakses oleh pengkaji bagi mengukuhkan fakta-fakta kajian yang dijalankan. Segala maklumat yang diperolehi menerusi internet ini akan dikumpul dan dimuatkan dalam penghasilan proposal ini. Metodologi menerusi buku, jurnal, artikel, dan internet ini sesuai digunakan mengikut situasi yang berlaku terhadap negara dengan keadaan semasa. Metodologi kajian yang digunakan ini turut memerlukan beberapa penelitian dan penumpuan secara menyeluruh. Hal ini demikian kerana bahan-bahan yang dijadikan sumber rujukan ini merangkumi pelbagai cabang ilmu dan pengkaji perlu meneliti setiap rujukan untuk mendapatkan maklumat yang tepat dan bersesuaian dengan skop kajian penyelidikan yang dijalankan.

### **4. Dapatan dan Perbincangan**

Pada bahagian ini akan memfokuskan berkenaan hasil dapatan dan perbincangan bagi kajian Pakatan Harapan dan Pengurusan Ekonomi Malaysia 2018-2020. Pertukaran kerajaan yang berlaku telah melaksanakan pembaharuan atau reformasi khususnya ke atas ekonomi politik negara Malaysia. Menurut Khemani (2017), pendekatan reformasi dari perspektif ekonomi adalah merujuk kepada perubahan dalam dasar kerajaan atau peraturan institusi kerana dasar dan institusi status quo tidak berfungsi dengan sebaiknya. Manakala, reformasi yang merujuk kepada alternatif dasar dan institusi yang tersedia bermungkinan besar akan berprestasi lebih baik daripada status quo untuk mencapai matlamat ekonomi. Pembaharuan atau reformasi ini adalah pemacu sebagai sebuah ‘keperluan’ untuk mendepani krisis politik, krisis kewangan, hiperinflasi, dan juga krisis politik. Menerusi kajian ini, pengkaji memberi tumpuan kepada reformasi ekonomi di samping aspek politik dan menggunakan teori reformasi ekonomi untuk memberi penjelasan terhadap hujah perbahasan dalam kajian ini. Teori ekonomi mempengaruhi cara pembaharuan direka bentuk untuk menjadikan ekonomi lebih berdaya saing dan meningkatkan kadar pertumbuhan ekonomi negara. Wolff (1999) menyatakan terdapat peringkat awal kemajuan pembaharuan dalam peralihan ekonomi yang membahagikan peralihan negara kepada tiga kumpulan iaitu, (i) pembaharuan radikal, (ii) pembaharuan secara beransur-ansur, dan (iii) pembaharuan yang ketinggalan. Berikutnya itu, terdapat strategi reformasi iaitu (i) pelbagai program reformasi iaitu prinsip kepelbagaian yang sama digunakan untuk kerajaan mempertimbangkan pelaburan dalam reformasi, walaupun tiada pasaran yang boleh menyemai kembali kepada inisiatif dasar berbeza, (ii) pertimbangkan reformasi separa iaitu kerajaan mempunyai aset terhad termasuk modal politik serta pendapatan mengikut budi bicara, dan (iii) cari cara untuk mengehadkan ketidakpastian dan kos iaitu perubahan eksperimen seperti keamatian tinggi reformasi dalam kawasan geografi yang terhad atau merentasi bilangan perusahaan yang terhad, membolehkan kerajaan menilai merit instrumen dasar tertentu. Sehubungan dengan itu, sebuah kerajaan mungkin dengan bijak memilih program pembaharuan yang menjanjikan kadar pertumbuhan produktiviti jangka

panjang yang sederhana untuk mengelakkan kos jangka pendek yang berpotensi membawa kepada konteks bencana yang berkaitan dengan program yang mungkin akan membawa kepada keuntungan produktiviti yang lebih tinggi. Dalam memilih antara strategi pembaharuan evolusi atau pantas, kerajaan mesti membentuk cara untuk mengehadkan kos dan mengagihkannya mengikut laluan masa iaitu selaras dengan toleransi masyarakat terhadap diskolasi sosial.

Lanjutan daripada perbincangan pembaharuan dan reformasi, kajian ini merungkai latar belakang pembentukan pemerintahan Pakatan Harapan. Lanskap politik negara Malaysia adalah bersifat federalisme yang melindungi budaya politik dan kepelbagaian etnik di samping memelihara kuasa negara. Malaysia berprinsipkan demokrasi di mana rakyat menjalankan kuasa secara langsung atau wakil yang dipilih daripada kalangan mereka sendiri untuk membentuk sebuah badan pemerintahan iaitu Parlimen dan perkara ini dilaksanakan melalui pilihan raya yang bebas dan adil. Pilihan raya yang kompetitif dipandang luas sebagai mekanisme utama yang menghubungkan demokrasi kepada perkhidmatan yang lebih baik. Pilihan raya dan sistem demokrasi Malaysia dilihat sebagai perkongsian kuasa inter-etnik yang dicapai melalui strategi makro-politik yang dipanggil konsosiasionalisme. Konsosiasionalisme ini sememangnya memperakui kesignifikanan etnisiti dalam politik dengan mengangkat parti-parti politik kepada berasaskan kaum untuk menjadi blok-blok binaan utama yang mendominasi sistem politik seperti parti UMNO/BN. Perkara ini lantas membuatkan Barisan Nasional memonopoli kuasa dalam sistem pentadbiran kerajaan.

Konsosiasionalisme ini mendorong kepada berlakunya beberapa siri reformasi dan kelangsungan Parti Barisan Alternatif yang merupakan sebuah kuasa reformasi dan intipatinya diperluaskan oleh pakatan-pakatan mereka. Siri reformasi mereka dilihat merundum ekoran penindasan daripada persekitaran politik dan pemulihan ekonomi negara. Namun begitu, penerusan agenda reformasi yang mewujudkan bentuk Islam ortodoks yang sederhana dan mendepani komitmen terhadap pelbagai etnik dan agama telah membuatkan pakatan DAP dan PAS sebagai pembangkang bekerjasama secara tidak formal serta membentuk gabungan Pakatan Rakyat untuk membina semula perpaduan dan penyatuan untuk pembuatan keputusan yang lebih baik. Pada Pilihan Raya Umum Malaysia 2008 dan 2013, ia menandakan satu peristiwa penting dalam sejarah politik Malaysia dan perubahan tingkah laku dan orientasi pengundian menjadi sebuah gelombang “tsunami politik”. Keputusan pilihan raya tersebut tidak pernah berlaku pada sebelum ini berikutan keputusan pilihan raya yang terbongkar dan peristiwa-peristiwa yang benar-benar menyusun semula seluruh dunia polik Malaysia dan menandakan kebangkitan semula parti pembangkang dan menafikan gabungan berbilang parti yang memerintah. Politik pakatan parti pembangkang ini turut didasari dengan aspek kepimpinan iaitu ketiadaan pemimpin yang berwibawa seperti Anwar Ibrahim untuk membawa legasi reformasi dan tidak mempunyai kestabilan pemimpin yang utuh daripada pemimpin-pemimpin yang lebih berpengalaman serta isu konsep negara Islam dan pelaksanaan hudud, di mana DAP hilang kepercayaan kepada PAS apabila mereka ingin membuat keputusan untuk melaksanakan isu ini tanpa mengira penghormatan dan juga selaras manifesto antara pakatan.

Pakatan Rakyat ke Pakatan Harapan adalah sebuah rancangan baharu untuk menyusun semula parti-parti pembangkang dan Mahathir Mohamad mendepani kritikan dan penentangan terhadap pentadbiran Najib Razak yang disebabkan oleh Najib Razak mengemukakan kesilapan Mahathir Mohamad lantas memecat beliau, bahkan melaksanakan Deklarasi Rakyat yang mendasari kebimbangan terhadap keadaan politik, ekonomi, dan sosial yang semakin merosot di negara Malaysia. Pilihan Raya Umum ke-14 adalah medan pertempuran yang dilihat sebagai satu ‘Tsunami Malaysia’ yang berlaku kerana kuasa rakyat inginkan perubahan untuk membebaskan negara ini daripada pemerintahan BN yang digelar ‘Kleptokrasi’. Pakatan Harapan turut dikategorikan kepada konteks centripetalisme iaitu pakatan mereka adalah sebuah gabungan parti-parti yang berlainan ideologi dan diperaku sebagai parti-parti multi-

etnik. Manifesto Pakatan Harapan menjanjikan pelbagai pembaharuan reformasi institusi yang selaras dengan aspirasi lanskap politik baharu dengan mengetengahkan persepsi rakyat Malaysia terhadap ‘10 Janji dalam 100 Hari’ dan penerimaan awam ke arah kerajaan baharu serta mendepani aspek kesusahan ekonomi, gaji tidak stabil, dan kuasa beli yang merosot yang mendesak. Kehadiran semula Mahathir Mohamad dalam arena politik telah menjadikan beliau sebagai Perdana Menteri ke-7. Walaubagaimanapun, manipulasi Mahathir Mohamad telah menyebabkan berlakunya konflik apabila beliau menghalang penyerahan kuasa yang dijanjikan kepada Anwar Ibrahim dan bermungkinan beliau memang tidak pernah mahukan Anwar Ibrahim menjadi seorang Perdana Menteri. Perkara ini lantas membuatkan UMNO dan BERSATU membahaskan kemungkinan untuk membentuk sebuah kerajaan baharu yang diketuai oleh gabungan parti-parti Melayu. Ia juga membuatkan gabungan parti-parti Melayu ini mengisyiharkan sokongan kepada Muhyiddin Yassin untuk memegang tumpuk pemerintahan negara. Lantikan Muhyiddin Yassin sebagai Perdana Menteri yang baharu telah menandakan berakhirnya klimaks politik yang bergelora di negara Malaysia dan akhirnya kerajaan Pakatan Harapan menamatkan pemerintahan 22 bulan serta mengembalikan mereka kepada bangku pembangkang.

Selain itu, krisis dan keadaan ekonomi negara Malaysia yang tidak stabil juga telah mendorong peralihan kuasa daripada Barisan Nasional kepada Pakatan Harapan. Faktor ekonomi adalah perkara utama dalam merangsang secara positif atau negatif sesebuah pilihan raya di mana ia termasuk pertumbuhan ekonomi, kadar inflasi, dan pengangguran. Berdasarkan tinjauan yang dibuat oleh *Merdeka Center*, peralihan kuasa yang berlaku secara adil adalah disebabkan oleh Pakatan Harapan dengan secara konsistennya mendepani isu kos sara hidup yang semakin meningkat. Sebagai contoh, isu pelaksanaan *Goods and Services Tax (GST)* yang dibawa oleh Barisan Nasional dan berkuat kuasa pada 1 April 2015. Bertindih trend inflasi berbanding ketika pelaksanaan GST telah menunjukkan bahawa kadar inflasi meningkat dalam tempoh sembilan bulan selepas pelaksanaan GST tersebut. Peningkatan mendadak dalam kadar inflasi telah diperhatikan dalam tempoh dari suku ketiga tahun 2016 sehingga suku pertama tahun 2017 dan trend kenaikan inflasi ini bertepatan dengan kejatuhan nilai Ringgit Malaysia. Bahkan, ia berkemungkinan bahawa kesan kumulatif inflasi yang disebabkan oleh kesan ratchet boleh menjelaskan kos sara hidup.

Dapat dilihat juga kadar pengangguran di Malaysia meningkat daripada 2.7% pada suku ketiga tahun 2014 kepada 3.5% pada suku ketiga tahun 2016 dan ia kekal pada sekitar 3.3% sehingga suku pertama tahun 2018 serta menjadi kadar pengangguran yang agak tinggi berbanding trend sejarah dalam tempoh sebelumnya tahun 2010 hingga 2014. Isu ekonomi yang menjadi pemangkin tindakan dasar ‘reformasi atau pembaharuan’ oleh Pakatan Harapan adalah dakwaan skandal kewangan dan penyalahgunaan yang menyelebungi *1Malaysia Development Berhad (1MDB)*. 1MDB adalah dana kekayaan negara Malaysia yang dikawal selia oleh Kementerian Kewangan dan ditubuhkan untuk mempercepatkan pembangunan ekonomi Malaysia serta sebuah strategi jangka panjang, malah meningkatkan perkongsian global dan bertujuan juga menarik lebih banyak pelaburan langsung asing atau *Foreign Direct Investment (FDI)*. Namun begitu, perkara ini menjadi kritikan dan dakwaan ekoran kegiatan pelaburan di bawah 1MDB dan pemindahan dana ke dalam akaun bank Najib Razak seperti kes pembangunan kawasan perniagaan iaitu *Tun Razak Exchange (TRX)*, kes pengambilan tanah aset TRX oleh Lembaga Tabung Haji, dan kes Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), yang kesemuanya melibatkan dana 1MDB serta didakwa mengandungi pengubahan wang haram dan isu rasuah. Oleh itu, 1MDB ini memberikan impak politik bahkan ekonomi terhadap konstelasi kuasa di negara Malaysia dan membuka ruang ke arah fasa politik baharu serta demokrasi Malaysia. Manifesto Pilihan Raya Pakatan Harapan merupakan sebuah langkah ke arah ‘reformasi atau pembaharuan’ ekonomi. ‘Buku Harapan’ atau ‘Book of Hope’ ini berunsurkan tema ‘untuk membina semula negara dan memenuhi harapan rakyat’ atau ‘to

*rebuild the nation and to fulfil the hope of the people*'. Pakatan Harapan mengambil tindakan untuk melaksanakan '10 Janji dalam 100 Hari' dalam 100 hari pertama membentuk pentadbiran kerajaan yang menjadi ikrar yang digariskan dalam Buku Harapan. Tindakan-tindakan lain turut telah diambil yang merupakan sebahagian daripada 10 janji di bawah setiap teras yang dinyatakan tetapi tidak termasuk dalam kategori janji 100 hari. Buku Harapan ini juga menjadi teras terhadap dasar dan tindakan yang akan dilaksanakan untuk memacu pembangunan dan kesejahteraan rakyat serta negara. Kajian ini khususnya memberikan perhatian berkenaan reformasi yang mendepani dasar pengurusan ekonomi dan pelaksanaan janji dalam 100 hari pertama membentuk pentadbiran kerajaan baharu.

Kerajaan Pakatan Harapan dapat dinilai berdasarkan keberkesanan dan kecekapan 100 hari pertama pembentukan pentadbiran kerajaan. Oleh itu, kajian ini meneliti pelaksanaan Sepuluh Janji Seratus Hari' (10 Janji 100 Hari) yang dikemukakan oleh kerajaan ini. Pertama, penghapusan *Goods and Services Tax* (GST) dan mengurangkan kos sara hidup dengan pelbagai inisiatif peduli rakyat ini Kementerian Kewangan telah mengumumkan bahawa *Sales and Service Tax* (SST) dilaksanakan pada 1 September 2018. Kadar SST adalah pada 10% bagi cukai jualan dan 6% pula cukai perkhidmatan yang dikenakan pada pengeluaran dan perkhidmatan akhir sahaja. Di bawah rejim SST, julat item bercukai dan pengecualian adalah lebih rendah jika dibanding dengan rejim cukai GST, di mana 6% dikenakan sama rata pada setiap peringkat rantaian bekalan, daripada pembekal, pengilang, penjual keseluruhan, dan peruncit. Selain itu, cukai jualan akan dikenakan pada kadar 5%, 10% atau kadar tertentu untuk produk petroleum dan cukai perkhidmatan adalah pada kadar 6%. Penyata SST perlu dikemukakan pada setiap dua bulan kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia. Jurang pendapatan antara GST dan SST dianggarkan menjadi sekitar RM22 bilion dan setakat ini ia dapat mengurangkan bebanan rakyat daripada kos sara hidup yang tinggi. Kedua, menstabilkan harga minyak dan memperkenalkan semula subsidi petrol secara bersasar dilihat satu daripadanya dipenuhi dengan menghapuskan sistem apungan untuk RON95 dan diesel. Kerajaan Pakatan Harapan menyatakan motosikal dan kereta masing-masing dengan berenjin 125cc dan 1300cc serta ke bawah akan menerima subsidi petrol bersasar. Kerajaan membuat keputusan untuk mengekalkan harga RON95 dan diesel masing-masing pada RM2.20 dan RM2.18 seliter serta RON97 pula diapungkan setiap minggu berdasarkan trend harga minyak mentah global kerana ia dilabel sebagai produk 'premium'. Kerajaan turut memperuntukan RM3 bilion bagi mensubsidi harga petrol untuk tahun 2018.

Ketiga, penghapusan hutang-hutang tidak wajar yang dipaksa ke atas peneroka FELDA. Menteri Hal Ehwal Ekonomi menyatakan beberapa langkah yang dipertimbangkan mungkin termasuk mengurangkan kadar faedah pinjaman dan menambah baik pendapatan peneroka supaya mereka dapat membayar hutang dengan lebih baik. Kementerian Hal Ehwal Ekonomi berusaha untuk membantu meningkatkan pendapatan peneroka-peneroka dan kecekapan FELDA agar margin keuntungan yang tinggi dapat membantu mereka membayar hutang dan pinjaman. Tindakan janji ketiga ini tidak dapat dilaksanakan dalam masa 100 hari pembentukan kerajaan Pakatan Harapan tetapi ia telah diperuntukan RM810 juta untuk kebajikan peneroka-peneroka FELDA di bawah Bajet 2020. Keempat, memperkenalkan skim caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) untuk suri rumah. Skim KWSP untuk suri rumah menampilkan sumbangan caruman pekerja 2% sebulan dan sumbangan RM50 sebulan daripada kerajaan. Peruntukan RM50 kepada setiap orang suri rumah yang tidak mempunyai pendapatan melalui agihan ke akaun KWSP suri rumah dengan sebanyak RM40 dan caruman sebanyak RM10 untuk asas keselamatan sosial di bawah Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO). Peruntukan RM10 bertujuan sebagai persediaan suri rumah atau pencarum dalam menghadapi musibah atau kesusahan luar jangkaan. Walaupun terdapat kekangan perundungan pada pihak KWSP dan PERKESO, kerajaan bersetuju melaksanakan Skim KWSP untuk suri rumah secara berfasa dalam tempoh 100 hari. Pelaksanaan secara berfasa

adalah seperti; (i) Fasa Pertama adalah caruman secara sukarela, (ii) Fasa Kedua adalah caruman secara sukarela dengan perluasan manfaat perlindungan sosial di bawah PERKESO, dan (iii) Fasa Ketiga adalah caruman wajib (Nor Anita Abdullah, Harlida Abdul Wahab, Asmar Abdul Rahim 2021).

Kelima, menyamaratakan gaji minimum seluruh negara dan seterusnya memulakan proses meningkatkan gaji minimum. gaji minimum akan dinaikkan kepada RM1,500 sebulan di seluruh negara dalam tempoh lima tahun pertama kerajaan Pakatan Harapan dengan kadar itu akan disemak pada setiap dua tahun. Berikutan itu, gaji minimum telah ditetapkan pada RM1,000 sebulan bagi Semenanjung Malaysia dan RM920 pula bagi Sabah dan Sarawak. Kerajaan lantas mengumumkan gaji minimum standard di seluruh Semenanjung Malaysia malah, Sabah dan Sarawak adalah RM1,050 bermula 1 Januari 2019. Walaubagaimanapun, kenaikan hanya RM50 untuk gaji minimum tidak dipersetujui oleh rakyat ekoran kos sara hidup yang kian meningkat. Perincian kenaikan gaji minimum diteruskan dengan bentangan Bajet 2019 oleh Menteri Kewangan iaitu Lim Guan Eng di mana mulai 1 Januari 2019, RM1,100 telah ditetapkan untuk gaji minimum. Kenaikan gaji minimum ini sedikit sebanyak membantu dan menambahbaikan keperluan rakyat khususnya golongan B40 (*The Malaysia Reserve* 2022). Keenam, menangguhkan pembayaran balik pinjaman PTPTN kepada semua peminjam yang mendapat gaji kurang daripada RM4,000 sebulan dan memansuhkan dasar senarai hitam ke atas peminjam. Menerusi laporan Projek Pantau oleh para penyelidik *Institute for Democracy and Economic Affairs* (IDEAS), mengemukakan PTPTN pada ketika berada dalam bebanan jumlah hutang dengan sebanyak RM40 bilion di mana ia berhutang kepada institusi kewangan dan dijangka akan meningkat kepada RM76 bilion dalam tempoh 20 tahun. Kerajaan Pakatan Harapan melihat perkara ini perlu diatasi ekoran 51% daripada jumlah peminjam tidak membayar pinjaman mereka secara konsisten, bahkan terdapat 19% peminjam tidak membayar langsung pinjaman mereka. Oleh itu, kerajaan telah mengumumkan peminjam PTPTN hanya akan diminta memulakan pembayaran balik apabila gaji bulanan mereka menececah RM4,000 sebulan dan pelajar yang berprestasi baik dalam pengajian dan isi rumah berpendapatan rendah akan diberikan diskain yang setimpal. Malah, PTPTN dengan kerjasama Jabatan Imigresen telah membersihkan kesemua 429,945 nama yang disenaraihitamkan dan sekatan perjalanan ke atas semua peminjam pinjaman turut ditarik balik.

Ketujuh, penubuhan Suruhanjaya Siasatan DiRaja 1MDB, FELDA, MARA, dan Tabung Haji serta merombak semula struktur kepimpinan mereka. Rentetan 1MDB, Najib Razak telah didakwa atas dakwaan penglibatannya dalam skandal 1MDB. Merujuk kepada dakwaan rasuah RM42 juta yang melibatkan SRC International, anak syarikat 1MDB, Najib Razak kini telah menghadapi 7 pertuduhan di bawah seksyen 23(1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 ekoran salah guna kuasa, seksyen 409 Kanun Keseksaan akibat jenayah pecah amanah, dan seksyen 4(1)(b) daripada Akta Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001. Laporan *The Center to Combat Corruption and Cronyism*, bekas Pengerusi FELDA iaitu Mohd Isa Abdul Samad telah didakwa pada 14 Disember 2018 atas tuduhan pecah amanah jenayah di bawah seksyen 409 Kanun Keseksaan ekoran meluluskan pembelian *Hotel Merdeka Palace & Suites* tanpa persetujuan Lembaga Pengarah FELDA. Beliau juga didakwa mengikut seksyen 16(a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 kerana menerima suapan yang berjumlah RM3.09 juta daripada Gagasan Abadi Properties Sdn. Bhd. Manakala, siasatan bagi MARA masih tiada tindakan lanjut yang diambil oleh kerajaan Pakatan Harapan walaupun terdapat bukti yang kukuh berkenaan rasuah dalam MARA. Laporan *The Center to Combat Corruption and Cronyism* mengemukakan siasatan terhadap Tabung Haji yang telah dijalankan dan bekas Pengerusi Tabung Haji iaitu Abdul Azeez Abdul Rahim telah didakwa di bawah seksyen 16(a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 kerana menerima RM1.2 juta, RM2 juta dan RM2 juta lagi dalam tiga transaksi sebagai ganjaran untuk dirinya membantu

syarikat mendapatkan projek kerajaan. Beliau juga didakwa dibawah seksyen 4(1)(b) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Akta Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Akta Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 kerana telah menerima hasil daripada aktiviti haram yang berjumlah RM139.4 juta daripada empat syarikat. Kerajaan Pakatan Harapan menunjukkan pencapaian yang baik dalam siasatan-siasatan yang dinyatakan, tetapi bagi penubuhan *Royal Commission of Inquiry* (RCI) atau Suruhanjaya Siasatan DiRaja tidak bermungkinan berlaku dengan cepat dalam masa 100 hari pembentukan kerajaan kerana dapat berlaku percanggahan dengan siasatan yang dijalankan oleh agensi penguatkuasaan.

Kelapan, penubuhan Jawatankuasa Khas Kabinet untuk segera menyemak dan melaksanakan Perjanjian Malaysia 1963. Penubuhan ini telah mendapat kelulusan menerusi kabinet tetapi ia masih tidak ditubuhkan dengan secara teknikal hal ini kerana kabinet ingin memastikan jawatankuasa penubuhan ini dilantik dengan bersungguh dan berkualiti serta inginkan jawatankuasa yang dilantik memahami Perjanjian Malaysia yang sebenar dengan penuh semangat dan bukan hanya secara literal. Berdasarkan kompilasi pengarang daripada Buku Harapan, *Institute for Democracy and Economic Affairs* (IDEAS) (2019), dan laporan media, Jawatankuasa Khas Kabinet bagi menyemak dan melaksanakan Perjanjian Malaysia 1963 telah terbentuk dan pada sehingga Ogos 2019, sebanyak 7 daripada 21 isu telah diselesaikan. Kesembilan, memperkenalkan Skim Peduli Sihat dengan memberikan RM500 pembiayaan untuk rawatan asas di klinik swasta berdaftar untuk golongan B40. Kementerian Kesihatan kerajaan Pakatan Harapan mencari alternatif dengan mengemukakan skim insurans sosial khas bagi golongan B40 untuk perlindungan mereka akan diperluaskan. Skim insurans akan menawarkan perlindungan insurans antara RM10,000 dan RM20,000 setahun bagi setiap keluarga untuk bil hospital di awam dan swasta. Timbalan Menteri Kesihatan iaitu Dr Lee Boon Chye menyatakan pelaksanaan Skim Peduli Sihat golongan B40 ini dapat meningkatkan peratusan rakyat Malaysia di bawah insurans kesihatan kepada sekurang-kurangnya 65% daripada 30%. Tindakan Skim Peduli Sihat golongan B40 ini tidak dapat dilaksanakan dalam masa 100 hari pembentukan kerajaan Pakatan Harapan disebabkan oleh sistem penjagaan kesihatan yang rumit dan kekangan kewangan.

Kesepuluh, melancarkan kajian terperinci mengenai projek-projek mega yang dianugerahkan kepada negara asing. Kerajaan menubuhkan Pejabat Pengurusan Hutang untuk menguruskan keseluruhan hutang dan liabiliti kerajaan secara proaktif dan untuk menjalankan penilaian komprehensif terhadap pendedahan risiko fiskal. Projek yang bernilai berbilion ringgit telah ditangguhkan, digantung, dan dibatalkan memandangkan implikasi fiskal ia mungkin mempunyai jumlah hutang awam (Shaniza Ong 2019). Pada 12 April 2019, *Malaysia Rail Link* (MRL) dan *China Communications Construction Company* (CCCC) menandatangani *Supplementary Agreement* (SA) untuk mengurangkan kos projek daripada RM66.6 bilion kepada RM44 bilion. Rundingan semula projek ini membawa perubahan ketara yang positif terhadap hubungan diplomatik negara China dan Malaysia. Walaupun kerajaan Pakatan Harapan tidak lagi memerintah selepas pandemik COVID-19 melanda, projek *East Coast Rail Link* (ECRL) diteruskan dan terdapat cadangan untuk menukar jajaran trek ECRL terutamanya untuk kembalikan semula kepada jajaran utaranya. Keseluruhannya, kerajaan Pakatan Harapan telah menunjukkan reformasi ekonomi yang lebih baik dengan memberi perhatian sepenuhnya dalam menjalankan penilaian komprehensif terhadap pendedahan risiko fiskal agar negara Malaysia tidak menanggung bebanan hutang.

Pengkaji mengemukakan dapatan dan perbincangan pelaksanaan ‘Sepuluh Janji Seratus Hari’ (10 Janji 100 Hari) sebagai pengukur awal dasar yang komprehensif untuk polisi ekonomi yang kompetitif untuk kesejahteraan negara dan rakyat di samping mengetengahkan dasar-dasar rangsangan ekonomi yang lain oleh kerajaan Pakatan Harapan. Pelaksanaan ‘Sepuluh Janji Seratus Hari’ ini banyak dilaksanakan dan dicapai sehingga sedikit demi sedikit ekonomi Malaysia menunjukkan prestasi yang baik pada tahun pertama pemerintahan Pakatan

Harapan. Menurut Akira Nakamura (2018), menerusi peralihan kuasa yang berlaku, permintaan domestik diramalkan mengekalkan peningkatan kukuhnya yang berpusat pada penggunaan swasta di mana peningkatan pendapatan isi rumah yang dikaitkan dengan pengembangan pekerjaan dan pengaruh pemansuhan GST. Pengamalan *International Monetary Fund* (IMF) dalam Tinjauan Ekonomi Dunia yang dikemukakan pada Oktober, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia berkembang sebanyak 4.7% pada 2018 dan 4.6% pada 2019 serta hampir pada kadar yang sama dengan kadar potensi pertumbuhannya. Bahkan, harga pengguna kekal pada kenaikan sederhana mencerminkan kestabilan berterusan harga minyak mentah dan kesan pemansuhan GST. IMF mengemukakan selepas jatuh kepada 1.0% pada 2018, kenaikan harga pengguna stabil pada 2.3% pada 2019. Namun, defisit untuk 2018 dan 2019 pada awalnya dianggarkan kekal dalam paras yang sama berbanding KDNK nominal<sup>1</sup>, defisit tersebut kini meningkat terutamanya disebabkan oleh kejatuhan dalam hasil yang berkaitan dengan pemansuhan GST. Di samping itu, politik dan ekonomi Malaysia dilihat kurang stabil serta rata-rata akan mempunyai komplikasi seperti risiko pelabur asing mengelakkan pelaburan di Malaysia, namun, risiko tersebut dapat diatasi memandangkan Malaysia mempunyai kelebihan seperti kekayaan sumber asli, persekitaran pelaburan yang menggalakkan, dan pengurusan perbankan yang mantap. Perkenalan SST yang menggantikan GST membawa kepada perubahan dasar cukai di mana ia megurangkan kutipan cukai sebanyak 8.3% daripada hasil dan 1.6% daripada KDNK nominal. Bagi menebus kehilangan hasil dan implikasi fiskal ia mungkin mempunyai jumlah hutang awam (Shaniza Ong 2019), dengan itu, projek *East Coast Rail Link* (ECRL) selain projek mega lain dikurangkan kosnya daripada RM66.6 bilion kepada RM44 bilion. Keseluruhannya, kerajaan Pakatan Harapan memberi perhatian sepenuhnya dalam menjalankan penilaian komprehensif terhadap pendedahan risiko fiskal agar negara Malaysia tidak menanggung bebanan hutang. Berdasarkan Cassey Lee (2019), pertumbuhan kekal teguh pada 4.5-5.0% pada tempoh tahun pertama dan kadar inflasi kekal rendah iaitu kurang daripada satu peratus. Kadar pengangguran secara relatifnya kekal rendah dan stabil bahkan ringgit Malaysia juga stabil. Pembaharuan dan reformasi secara kolektifnya telah mendukung dasar-dasar ini telah menggerakkan orientasi dasar keseluruhan kerajaan ke arah negara yang lebih berkebajikan.

## 5. Rumusan dan Cadangan

Umumnya, peralihan kuasa daripada Barisan Nasional (BN) kepada Pakatan Harapan (PH) mendorong pelaksanaan pembaharuan atau reformasi dalam aspek ekonomi politik dan juga sosial. Reformasi ekonomi mendepani sistem ekonomi di mana perbezaan yang dibuat antara pemilikan pengeluaran yang kebanyakannya mencirikan kapitalis dalam ekonomi sosialis, mekanisme ekonomi, dan tingkah laku ekonomi perancangan yang merupakan mekanisme pasaran dan mekanisme perancangan. Perancangan adalah dilakukan sama ada secara berpusat atau terdesentralisasi di mana mekanisme membuat keputusan yang paling berkesan melibatkan pembaharuan. Perkara ini dapat dilihat melalui resolusi manifesto dan dasar-dasar yang komprehensif oleh kerajaan Pakatan Harapan yang mendahului pelaksanaan ‘Sepuluh Janji Seratus Hari’ untuk mereka menjadikannya sebagai pengukur awal bagi kelangsungan reformasi polisi ekonomi. Pelaksanaan dasar-dasar ini rata-rata mengembalikan semula kepercayaan dan partisipasi politik khususnya rakyat kepada pemerintahan apabila Pakatan Harapan merangsang dasar yang seringkali menjadi perdebatan iaitu pertumbuhan ekonomi, kadar inflasi, dan pengangguran. Malah, secara konsistennya mendepani isu kos sara hidup yang semakin meningkat. Pendekatan makroekonomi ini menyatakan bahawa peralihan politik kurang dan bermungkinan tidak terlihat kesan negatifnya kepada reformasi ekonomi kerana ia memberikan signifikan penambahbaikan untuk rakyat dan negara.

## Rujukan

- Abdul Rauf Ridzuan, Faezah Shuhada Mohd Fadzil, Mohd Hilmi Bakar Norazlinda Hj Mohammad. (2020). Malaysians' Perception Towards 10 Promises In 100 Days And Public Acceptance Towards The New Government (Pakatan Harapan). *e-Journal of Media & Society*. <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/29388/1/29388.pdf>.
- Darshan Joshi. (2018). Key Changes to Development Expenditure in Malaysia's Budget 2019.[https://www.researchgate.net/profile/Darshan-Joshi/publication/336304328\\_Key\\_Changes\\_to\\_Development\\_Expenditure\\_in\\_Malaysia's\\_Budget\\_2019/links/5d9ab93b299bf1c363fd0269/Key-Changes-to-Development-Expenditure-in-Malaysia's-Budget-2019.pdf](https://www.researchgate.net/profile/Darshan-Joshi/publication/336304328_Key_Changes_to_Development_Expenditure_in_Malaysia's_Budget_2019/links/5d9ab93b299bf1c363fd0269/Key-Changes-to-Development-Expenditure-in-Malaysia's-Budget-2019.pdf).
- Elaveenthan A/L Kumaran, Agnes Anak Peri, Sareena Cynthia Gerawat, dan Winnie Anak Francis. (2021). Satu Analisis Mengenai Kemunculan Kerajaan Perikatan Nasional Dan Pemerintahan Terhadap Masyarakat Malaysia. [https://www.researchgate.net/publication/349053144\\_Kemunculan\\_Perikatan\\_Nasional](https://www.researchgate.net/publication/349053144_Kemunculan_Perikatan_Nasional).
- Madhi Hasan & Hamdan Mohd Salleh. (2021). PRU-14: Berakhirnya Era Kegemilangan Konsosiasionalisme. <http://share.journals.unisel.edu.my/ojs/index.php/share/article/view/127/50>.
- Mahadirin Ahmad, Kee.Y.Sabariah Kee Mohd Yussof, Noor Syakirah Zakaria. (2019). Dasar Perburuhan Dan Impaknya Terhadap Pergerakan Kesatuan Sekerja Di Malaysia: Satu Kajian Awal. *Journal of Borneo Social Transformation Studies (JOBSTS)*.
- Mohd Sohaimi Esa, Mohd Azri Ibrahim, Abang Mohd. Razif Abang Muis & Romzi Ationg. (2020). Menyingkap Polemik Peralihan Kuasa Secara Luar Biasa Mengikut Perspektif Demokrasi Berparlimen. *Journal of Social Sciences and Humanities*.
- Muhammad Nadzri Mohamed Noor & Nidzam Sulaiman. (2018). Mitos dan Realiti Dalam Situasi Hubungan Sosial di Awal Era Transisi Malaysia Barbaru: Satu Perbahasan. <https://www.ukm.my/kita/wp-content/uploads/6.Manuskrip-ICIP.Dr-Nadzri-dan-Dr- Nizam.pdf>.
- Muhammad Ariff & Sity Daud. (2018). Manifesto Barisan Nasional Dan Kejatuhan Najibnomics Dalam Pilihan Raya Umum Ke-14. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*.
- Muhd Afiq Syazwan Ahmdon, Haslina Muhamad, Noor Sulastri Yurni Ahmad & Filzah Md Isa. (2018). Teori Permainan Dan Aplikasi Strategi Kuasa Untuk Memikat Pengundi Dalam PRU 14. *Journal of Social Sciences and Humanities*.
- Nor Azaruddin Husni bin Nuruddin. (2020). Analisis Falsafah Pemikiran Politik Tun Mahathir (TDM): Skop Kajian Dari 10 Mei 2018 Sehingga 24 Feb 2020. *Journal of Education and Social Sciences*. [http://jesoc.com/wp-content/uploads/2020/09/JESOC15\\_055.pdf](http://jesoc.com/wp-content/uploads/2020/09/JESOC15_055.pdf).
- Nor Anita Abdullah, Harlida Abdul Wahab, Asmar Abdul Rahim. (2021). Skim i-SURI: Pelaksanaan dalam Kalangan Suri Rumah Menurut Perspektif

Perundangan.

<http://journalarticle.ukm.my/18097/1/43471-172339-1-PB.pdf>.

Shamsinar Rahman, Nurul Aina Johari, Muhammad Izhuhan Abdul Manaff, Wan Sumayyah Syahidah Wan Mohamad, Ramha Rozaili Ramli. (2018). From Good and Service Tax (GST) to Sales and Service Tax (SST). GADING (Online) Journal for Social Sciences, Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang. The Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS). East Coast Rail Link (ECRL). [https://www.brimonitor.org/wp-content/uploads/2021/07/CS\\_ECRL.pdf](https://www.brimonitor.org/wp-content/uploads/2021/07/CS_ECRL.pdf).

Penulisan artikel ini sebahagian dibiayai oleh Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS/1/2020/SS0/UKM/02/3), Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.